

# 8 pelajar terima biasiswa Putrajaya Perdana

**Putrajaya:** Syarikat pemaju hartanah, Putrajaya Perdana Berhad (PPB) semalam menyampaikan biasiswa kepada lapan pelajar institusi pengajian tinggi tempatan sebagai sebahagian inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Selain biasiswa, pelajar terbabit juga ditawarkan peluang pekerjaan dengan PPB selepas menamatkan pengajian nanti.

Pengerusi Eksekutif PPB, Datuk Rosman Abdullah, berkata sejak diperkenalkan pada 2006, seramai 78 pelajar sudah menerima biasiswa PPB dengan nilai keseluruhan RM1.24 juta.

“Pemberian biasiswa ini adalah atas kesedaran betapa pentingnya pendidikan untuk generasi akan datang.

“Malah, kita turut menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka dalam syarikat ini selepas menamatkan pengajian. Bagaimanapun, tawaran pekerjaan itu tidak bermakna mereka boleh belajar sambil lewa,” katanya dalam ucapan pada majlis penyampaian biasiswa kepada pelajar berkenaan di sini, semalam.

Lapan pelajar itu ialah Mohamad Dzulhaizat Mohammad Zawahir, Vivien Necen Vinsan, Nurain Fakhira Mohd Nafi, Sim Siew Joi, Shanmussam Subramaniam,



**Rosman (tengah) bersama pelajar institusi pengajian tinggi pada majlis penyampaian biasiswa PPB di Putrajaya, semalam.**

[FOTO NOOR ATIQA SULAIMAN/BH]

Sasithira Sathia Nanthan, Nurshazira Abd Latif dan Manmit Singh.

Mohammad Dzulhaizat, 22, berkata dia sangat berbesar hati dengan biasiswa ditawarkan PPB kerana ia dapat mengurangkan beban keluarganya.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu berkata, dia mendapat tahu mengenai biasiswa PPB ketika membuat penyelidikan mengenai sebuah bangunan di Kuala Lumpur yang

dimajukan syarikat berkenaan.

“Sebagai pelajar jurusan Ukur Bahan, saya mengikuti rombongan universiti untuk melihat beberapa bangunan menarik di Kuala Lumpur. Sebuah bangunan yang dibina PPB sangat dekat de-

ngan hati saya.

“Saya terus melakukan penyelidikan mengenainya dalam laman web PPB dan melihat ada iklan mengenai biasiswa ini,” kata anak sulung dari empat adik beradik itu.